

Latihan 1

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

genggam	papan	hiris	jambangan	laras
kaki	ikat	baris	orang	naskhah

1. Pak Ahmad membaca se _____ surat khabar di bawah pokok.
2. Abang mengambil se _____ baja lalu ditaburkan di atas batas pokok kacang.
3. Beberapa _____ almari di pusat sumber itu digunakan untuk meletakkan pelbagai jenis bahan bacaan.
4. Suasana menjadi bingit apabila sekumpulan penduduk membakar beberapa _____ mercun sempena Tahun Baru Cina.
5. Terdapat beberapa _____ meriam lama di atas puncak Kota Melawati.
6. Mak Limah membawa se _____ payung kerana cuaca kelihatan mendung.
7. Suzana mempunyai se _____ abang yang tinggal di Kuala Lumpur.
8. Johan hanya memakan beberapa _____ mangga kerana buah itu amat masam.
9. Mak Senah membeli se _____ bayam untuk dimasak gulai lemak.
10. Shuhada menempah beberapa _____ bunga untuk majlis hari lahir ibunya.